

07 JAN 1997

Anwar-Proton

PROTON IKTIKRAF SEMUA PIHAK TERMASUK PENGURUSAN LAMA, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menyelar pandangan yang menyatakan seolah-olah kerajaan dan pengurusan baru Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) tidak memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada mereka yang terdahulu terlibat dalam industri kereta nasional.

Katanya pandangan yang menyatakan Proton mendabik dada kerana berjaya mengeluarkan kereta kesejuta baru-baru ini hasil kehebatan pengurusan baru Proton yang diketuai Tan Sri Yahaya Ahmad dan tidak mengingati jasa mereka yang terdahulu, adalah kurang tepat.

Beliau berkata penghormatan khusus Proton kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir adalah wajar dan tidak boleh dipertikaikan kerana Dr Mahathir adalah orang yang bertanggungjawab mencetuskan idea pembuatan Proton dan sehingga kini terlibat secara langsung secara terus-menerus dalam perkembangan Proton termasuk reka bentuk pengeluarannya.

"Kalau kita teliti ucapan Perdana Menteri, beliau memberi penghargaan kepada mereka yang berjasa dari dahulu hingga sekarang dan Tan Sri Yahaya juga telah mengundang semua anggota lembaga pengarah, pekerja lama dan baru. Oleh yang demikian untuk menyinggung seolah-olah tidak mahu memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada yang lain juga tidak tepat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat pada Perhimpunan Tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini hari ini.

Anwar berkata demikian mengenai pandangan ruangan pojok "Other Thots" akhbar New Sunday Times tulisan Pengarang Kumpulan New Straits Times Datuk A. Kadir Jasin yang bertajuk "Proton Must Be Grateful to Pioneers".

Kadir dalam ruangan itu berkata Proton dan Yahaya seharusnya menghargai jasa pengurusan lama Proton yang sebelum ini berhempas-pulas memajukan syarikat kereta nasional itu dan tidak boleh mendakwa bahawa beliau sudah berjaya membuat perubahan dalam syarikat itu melainkan beliau mampu bersaing di pasaran tempatan dan luar negara tanpa bantuan kerajaan.

Anwar berkata rencana itu kurang tepat kerana masyarakat harus mengakui bahawa pengendalian Proton oleh Yahaya kini ada keistimewaan dan perubahan.

"Sementara kita tunggu 10 tahun untuk lahirkan sejuta motokar tetapi sekarang dengan pengurusan baru, dalam tempoh empat tahun boleh hasilkan satu juta dan kita mengurangkan komponen import serta menekankan keupayaan eksport sekurang-kurangnya dalam satu dua tahun ini 40 peratus," katanya.

Beliau berkata kejayaan pengurusan baru Proton itu tentulah bergantung kepada khidmat dan sumbangan lampau dan kerajaan kini menaruh kepercayaan kepada keupayaan syarikat baru ini.

Pengurusan baru Proton telah berjaya meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos serta menentukan pengagihan syarikat kecil melalui sistem vendor terus ditingkatkan, katanya.

Beliau berkata pengambilalihan Lotus Group International oleh Proton merupakan satu usaha untuk mendapatkan sinergi dan keupayaan kepakaran Lotus untuk meningkatkan keupayaan Proton.

Menurut Anwar, Yahaya kini adalah penggerak utama industri kereta nasional dan memastikan syarikat itu lebih efisien dan cepat dalam memenuhi kehendak pelanggan.

"Beliau (Yahaya) juga bertanggungjawab memaklumkan dari semasa ke semasa kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri dan mendapatkan idea kerajaan dan Dr Mahathir," katanya.

Anwar berulang-kali menegaskan adalah wajar baginya membuat penjelasan

kerana rencana itu seolah-olah melihat bahawa jasa mereka yang terdahulu terlibat dengan Proton tidak diiktiraf dan dihargai.

"Saya rasa wajar diberi penjelasan bahawa projek Proton tidak boleh mencapai kejayaan seperti mana hari ini tanpa bukan sekadar idea tetapi penglibatan secara langsung secara tegas dan terus oleh Perdana Menteri, jadi kita harus terima kenyataan itu," kata Anwar

-- BERNAMA

HS NMO